

**Khairy Sokong Jawatan Ketua Pemuda UMNO Dipertandingkan
Bernama
20 Julai, 2013**

SEREMBAN, 20 Julai (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata beliau menyokong sepenuhnya cadangan agar jawatan ketua pergerakan itu dipertandingkan dalam pemilihan parti dijadual Oktober ini.

Katanya, jika majoriti anggota parti mahukan demikian, pemilihan terbuka wajar diadakan bagi menghormati suara dan kehendak mereka.

"Saya menghormati pandangan akar umbi, kalau mereka mahu jawatan Ketua Pemuda dipertandingkan, mengikut kepada pindaan perlembagaan parti kita," katanya kepada pemberita semasa mengadakan ziarah mesra ke kawasan perumahan Taman Pinggiran Senawang, di Seremban, Sabtu.

Beliau diminta mengulas keputusan Pergerakan Pemuda UMNO Johor dalam mesyuarat khasnya Jumaat, yang mahu pemilihan Pemuda UMNO Pusat pada perhimpunan agung parti akan datang, dibuat secara terbuka dengan mempertandingkan semua jawatan.

Khairy yang menyandang jawatan Ketua Pemuda UMNO sejak 2008 juga menyangkal akan adanya perpecahan dalaman sekiranya jawatan itu dipertandingkan.

Katanya, walaupun parti kini dalam proses mengukuhkan perpaduan demi berbakti untuk rakyat, namun cadangan akar umbi yang mahukan pemilihan adalah sesuatu yang tidak boleh diabaikan.

"Tidak semestinya bila ada pertandingan parti kita akan berpecah, kalau kita ada niat yang baik, persetujuan daripada semua calon yang mahu bertanding bahawa pertandingan itu dibuat secara sihat, saya rasa itu tidak akan memecahbelahkan parti," kata Menteri Belia dan Sukan itu.

Ditanya sama ada beliau akan mempertahankan jawatannya, Khairy berkata masih terlalu awal untuk diputuskan perkara itu dan perlu menimbangkan pelbagai aspek termasuk pandangan rakan-rakan sebelum membuat keputusan.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964879>